

## Khairat MyKasih - Frequently Asked Questions (FAQs)

- 1) Apakah itu Khairat MyKasih?
  - Khairat MyKasih adalah inisiatif perkhidmatan urus jenazah profesional yang menyediakan pengurus jenazah di seluruh Malaysia atau bantuan kewangan segera dalam tempoh 24 jam selepas berlakunya kematian ahli.
  - Khairat MyKasih adalah evolusi khidmat fardhu kifayah yang memberikan kesenangan dan kemudahan kepada semua pihak seperti waris terutamanya serta masjid, pengurus jenazah, penggali kubur, pemandu van dan sebagainya.
- 2) Siapakah yang sepatutnya menyertai program Khairat MyKasih? Adakah anda salah seroang daripada mereka yang kami sebutkan di bawah?
  - i. Anda sering di 'luar kawasan' atau *outstation* atas faktor pekerjaan dan lain-lain. – Kematian tidak mengenal tempat.
  - ii. Anda mahukan pengurusan hari kematian yang memudahkan semua pihak tanpa membebankan waris anda.
  - iii. Anda mahukan pengurus jenazah profesional dan berpengalaman yang akan menguruskan jenazah anda secara menyeluruh dan sempurna.
  - iv. Anda tinggal berjauhan daripada keluarga dan saudara-mara.
  - v. Anda adalah pasangan baharu.
  - vi. Anda adalah orang bujang.
  - vii. Anda tinggal berseorangan.
  - viii. Anda mahu meringankan beban waris anda.
  - ix. Anda mahu orang berpengalaman menasihati waris anda.
  - x. Anda mahu pengurusan hari kematian yang lancar dan profesional.
  - xi. Anda mahukan khidmat pasca kematian seperti infaq/wakaf, kepuk pusara/badal haji.
  - xii. Anda mahukan pengurusan jenazah yang boleh mengajar anak-anak anda dalam menguruskan jenazah anda secara menyeluruh dan sempurna.
- 3) Mengapakah program ini diperkenalkan?
  - Program Khairat MyKasih diperkenalkan atas pelbagai faktor seperti:
    - i. Meringankan beban waris.
    - ii. Memperkenalkan kos keahlian yang termurah.
    - iii. Memberikan manfaat tambahan pasca hari kematian (badal haji/infaq/wakaf dsb.)
    - iv. Menyediakan skuad urus jenazah di seluruh Malaysia.
    - v. Mengelak manipulasi waris di hari kematian.
    - vi. Ekosistem pendapatan di mana semua pihak daripada penggali kubur dan pembuat batu nisan sehingga pemandu van jenazah mendapatkan upah tenaga dan masa mereka.
    - vii. Membantu institusi agama dengan inisiatif infaq/wakaf kepada rumah kebajikan/anak yatim.
- 4) Bilakah manfaat-manfaat Khairat MyKasih dibayar atau dilaksanakan?
  - Manfaat kematian tunai segera (dalam tempoh 24 jam) adalah sebanyak RM1,500.00 bagi semua pakej.
  - Semua manfaat lain akan dibayar atau dilaksanakan dalam tempoh 30 sehingga 45 hari bekerja selepas menerima dokumen lengkap daripada waris.
- 5) Apakah terma dan syarat program Khairat MyKasih?

- Terma dan syarat program Khairat MyKasih boleh dirujuk di laman sesawang [www.mykasihjenazah.com](http://www.mykasihjenazah.com).
- 6) Apakah talian hotline laporan kematian Khairat MyKasih?
    - Talian hotline kami adalah 1-800-88-7077 yang beroperasi 24 jam setiap hari.
  - 7) Berapakah kelayakan umur untuk mengambil pakej ini?
    - Umur minima peserta adalah 18 tahun dan maksima 65 tahun.
  - 8) Siapakah yang dilindungi dalam pakej Keluarga?
    - Pakej ini melindungi peserta, seorang pasangan dan mana-mana 2 orang anak yang masih belajar dan berumur 6 bulan sehingga 17 tahun.
  - 9) Adakah pakej ini juga terbuka kepada mereka yang bukan beragama Islam?
    - Ya. Keahlian adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap termasuk mereka yang bukan beragama Islam.
  - 10) Bagaimana jika peserta telah menunaikan haji atau peserta bukan Islam atau kanak-kanak?
    - Wang peruntukan Badal Haji akan diberikan sepenuhnya kepada waris.
  - 11) Bilakah tempoh perlindungan bermula?
    - Perlindungan bermula 30 hari selepas permohonan diluluskan. Tempoh keahlian adalah selama 1 tahun bermula dari tarikh kelulusan.
  - 12) Bolehkah mereka yang mempunyai penyakit sedia ada menyertai program Khairat MyKasih?
    - Bergantung kepada jenis penyakit tersebut. Mereka juga tertakluk kepada tempoh menunggu selama 60 hari. Hal ini bagi memberikan keadilan kepada peserta-peserta lain selain mengelakkan daripada salah guna perlindungan.
  - 13) Bagaimanakah cara untuk menyemak status permohonan?
    - Status permohonan baharu boleh disemak di pautan [card.mykasihjenazah.com](http://card.mykasihjenazah.com) dengan memasukkan nombor kad pengenalan pemohon.
  - 14) Bagaimanakah cara untuk memperbaharui keahlian Khairat MyKasih?
    - Anda hanya perlu mengikut langkah-langkah yang telah ditetapkan melalui portal [www.mykasihjenazah.com](http://www.mykasihjenazah.com) atau hubungi wakil kami yang terdekat.
  - 15) Bagaimana jika waris tidak memerlukan perkhidmatan pengurusan jenazah dan memilih untuk mendapatkan bantuan wang tunai sahaja semasa kematian?
    - Pihak waris boleh maklumkan semasa melaporkan kematian ahli melalui panggilan telefon.
    - Pihak Khairat MyKasih akan memberikan wang tunai segera kepada pihak waris dalam tempoh 24 jam di hari kematian.
  - 16) Bagaimana jika kos pengurusan jenazah melebihi RM1,500.00?
    - Pihak waris perlu menampung kos lebihan tersebut. Walaubagaimanapun, perbincangan boleh dilakukan agar perbelanjaan tambahan tidak membebaskan waris.
  - 17) Bagaimana jika kos badal haji melebihi RM2,500.00?
    - Badal haji tertakluk kepada kos badal haji semasa. Jika melebihi peruntukan RM2,500.00, pihak waris perlu menampung kos lebihan tersebut. Walaubagaimanapun, perbincangan boleh dilakukan agar perbelanjaan tambahan tidak membebaskan waris.
  - 18) Bagaimana kaedah untuk menyertai dan membuat pembayaran?
    - Sila layari [www.mykasihjenazah.com](http://www.mykasihjenazah.com) atau hubungi wakil kami yang terdekat. Pembayaran boleh dibuat secara tunai atau atas talian kepada akaun DAR KASIH SDN BHD iaitu 5621 4243 0643 (Maybank). Sila hantar slip transaksi untuk pengesahan bayaran dan resit.

- 19) Adakah Khairat MyKasih akan menyediakan khidmat penghantaran pulang ke kampung halaman jika kematian berada diluar Kawasan?
- Kami ada menyediakan khidmat tersebut.
  - Namun, sebarang kos tambahan perlu ditanggung oleh waris.
- 20) Bagaimanakah Khairat MyKasih memberikan manfaat kepada khairat masjid dan surau sedia ada?
- Dengan bantuan wang tunai segera dalam tempoh 24 jam, pihak masjid & surau tidak perlu lagi risau dengan bayaran kewangan untuk pengurusan jenazah ahli Khairat MyKasih.
  - Apabila waris memilih untuk menguruskan sendiri jenazah di masjid & surau tersebut, wang tunai segera RM1,500.00 dapat disalurkan kepada pengurusan masjid & surau untuk menguruskan jenazah ahli Khairat MyKasih.
- 21) Apakah itu Urus Jenazah MyKasih(UJM)?
- Urus Jenazah MyKasih(UJM) adalah pasukan pengurus jenazah profesional yang bersedia 24 jam di seluruh Malaysia.
- 22) Siapakah pengurus jenazah dalam khidmat Urus Jenazah MyKasih(UJM)?
- Pasukan UJM terdiri daripada golongan dewasa berpengalaman luas dalam pengurusan jenazah dan merupakan kerja tetap mereka.
- 23) Apakah pengalaman pengurus jenazah dalam khidmat Urus Jenazah MyKasih(UJM)?
- Pasukan UJM terdiri daripada mereka yang berpengalaman luas dalam kes-kes kematian unik dan mencabar seperti mangsa bencana, mangsa kemalangan, mangsa kebakaran dan lain-lain.
  - Pasukan UJM bersedia dalam pengurusan jenazah bagi kes-kes kematian luar biasa yang umum mengetahui bahawa tidak ramai yang sanggup uruskan jika tiada pengalaman.
- 24) Apakah itu kad diskaun klinik?
- Kad diskaun klinik adalah kad diskaun 10% keatas bil yang dikenakan di setiap panel klinik PCS Rakyat di seluruh Malaysia.
- 25) Bolehkah saya mahu mendaftar sebagai perunding Khairat MyKasih?
- Boleh. Sila hubungi kami melalui e-mel [mykasihjenazah@gmail.com](mailto:mykasihjenazah@gmail.com) atau hubungi 011-5501 3537.
- 26) Bolehkah saya mendaftar sebagai pengurus jenazah dalam program Khairat MyKasih dan apakah manfaatnya?
- Boleh. Layari pautan [www.mykasihjenazah.com/daftarpengurus.php](http://www.mykasihjenazah.com/daftarpengurus.php). Anda juga boleh hubungi kami melalui e-mel [mykasihjenazah@gmail.com](mailto:mykasihjenazah@gmail.com) atau hubungi 011-5501 3537.
  - Manfaatnya:
    - i. Anda akan dijamin bayaran urus jenazah RM1,500.00 apabila ahli Khairat MyKasih di kawasan anda meninggal dunia.
    - ii. Anda dapat ketenangan fikiran dan minda tanpa merisaukan bayaran khidmat urus jenazah.
- 27) Siapakah boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut?
- Anda boleh menghubungi perunding terdekat kami atau e-melkan soalan anda ke [mykasihjenazah@gmail.com](mailto:mykasihjenazah@gmail.com).

## Khairat Warga Asing - Frequently Asked Questions (FAQs)

- 1) Apakah itu Khairat Warga Asing?
  - Khairat Warga Asing merupakan produk khairat khusus untuk warga asing yang tinggal di Malaysia.
  - Ia meliputi pengurusan jenazah secara menyeluruh sehingga ke lapangan terbang negara asal.
- 2) Apakah manfaat Khairat Warga Asing?
  - Penghantaran pulang jenazah ke lapangan terbang negara asal.
  - Khidmat talian 'Hotline' 24 jam.
  - Pembersihan, Pengawetan & Kafan.
  - Keranda dan pengangkutan.
  - Bantuan proses dokumen dan kelulusan pihak berkuasa.
  - Kad/akaun debit individu.
  - Pilihan bayaran gaji melalui kad/akaun debit.
  - Penghantaran wang ke negara asal.
  - Kebumi di Malaysia, tunai RM2,500 kepada waris.
  - Diskaun klinik di klinik panel terpilih.
- 3) Adakah servis penghantaran pulang jenazah ke lapangan terbang negara asal PERCUMA?
  - Ya. Percuma untuk ahli kami.
- 4) Mengapa perlu?
  - Memudahkan waris.
  - Memudahkan rakan senegara.
  - Memudahkan majikan.
  - Memudahkan pengurusan jenazah.
  - Mengelakkan manipulasi.
  - Memudahkan pihak kedutaan.
- 5) Apakah itu kad diskaun klinik?
  - Kad diskaun klinik adalah kad diskaun 10% keatas bil yang dikenakan di setiap panel klinik PCS Rakyat di seluruh Malaysia.